

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan menentangkan mengenai dapatan kajian yang telah dilakukan. Analisis dapatan kajian ini akan difokuskan untuk menjawab soalan-soalan kajian seperti yang telah dinyatakan dalam bab yang terdahulu. Bahagian ini akan dibahagiakan kepada beberapa bahagian berdasarkan soalan-soalan kajian. Bahagian tersebut ialah :

1. Keselaruan Kandungan Kurikulum Dengan Matlamat Pendidikan Negara dan Matlamat dan Objektif Pendidikan Ekonomi Asas.
2. Kefahaman dan Keyakinan Guru Terhadap Kandungan Kurikulum Pendidikan Ekonomi Asas.
3. Kesesuaian Pemilihan Isi Kandungan Kurikulum Pendidikan Ekonomi Asas.
4. Kesesuaian Penyusunan Kandungan Kurikulum Pendidikan Ekonomi Asas.
5. Kesesuaian Kandungan Kurikulum Pendidikan Ekonomi Asas Dengan Tahap Kesediaan Pelajar.
6. Kesesuaian Penggunaan Buku Teks Pendidikan Ekonomi Asas.

7. Penggunaan Huraian Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Ekonomi Asas.

4.1 Kandungan Kurikulum dan Hubungannya Dengan Matlamat Pendidikan Negara dan Matlamat Pendidikan Ekonomi Asas.

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian 1 iaitu " Adakah kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas SPM relevan dengan :

- i) Matlamat dan Falsafah Pendidikan Negara?
- ii) Matlamat dan Objektif Pendidikan Ekonomi Asas?"

a) Kefahaman tentang Matlamat Pendidikan Negara dan Matlamat dan Objektif Pendidikan Ekonomi Asas. Hasilan temubual menunjukan bahawa majoriti guru dalam kajian ini mengatakan bahawa mereka memahami dan menghayati matlamat pendidikan negara dan matlamat serta objektif pendidikan Ekonomi Asas. Mereka berpendapat sebagai guru mereka perlu terlebih dahulu memahami dan menghayati matlamat pendidikan negara dan matlamat serta objektif pendidikan Ekonomi Asas. Ini penting sebagai menentukan arah dan hala tuju pengajaran mereka. Penghayatan dan kefahaman akan matlamat ini membolehkan mereka merancang aktiviti pengajaran dan menentukan aspek keutamaan dalam pengajaran mereka.

Analisis data menunjukan bahawa kesemua responden guru ini mendapat maklumat mengenai matlamat pendidikan negara dan matlamat dan objektif pendidikan

Ekonomi Asas melalui Huraian Sukatan Pelajaran. Dua daripada responden ini juga telah mendapat pendedahan lanjut mengenai matlamat pendidikan negara dan matlamat dan objektif pendidikan Ekonomi Asas melalui Kursus Peningkatan Pengajaran dan Pembelajaran Ekonomi Asas yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu.

b) Keselarasan Kandungan Kurikulum Dengan Matlamat Pendidikan Negara.

Hasilan temubul menunjukkan bahawa kesemua responden guru berpendapat bahawa kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas adalah selaras atau relevan dengan matlamat pendidikan negara. Mereka berpendapat bahawa kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas akan dapat melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran kepada masyarakat dan negara. Terdapat keselarian di antara kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas ini dengan matlamat pembentukan perkembangan diri individu dan pembinaan masyarakat.

Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi oleh pelajar-pelajar dalam mata pelajaran ini membolehkan pelajar memahami keseluruhan fenomena ekonomi yang berlaku di negara kita sekarang. Mereka berpendapat bahawa keempat-empat unsur intelek, rohani, emosi dan jasmani dapat disepadukan dalam membentuk sahsiah yang seimbang dan harmonis. Melalui mata pelajaran ini, prinsip di atas dilaksanakan dengan memberi penekanan bukan sahaja kepada aspek pengetahuan dan kemahiran asas tentang

ekonomi tetapi juga aspek amalan dan penghayatan nilai-nilai sosial dan ekonomi yang baik serta membuat keputusan yang bertanggungjawab untuk kesejahteraan diri, masyarakat dan negara.

c) Keselarasan Kandungan Kurikulum Pendidikan Ekonomi Asas Dengan Matlamat dan Objektif Pendidikan Ekonomi Asas. Kesemua responden guru ini juga berpendapat bahawa kandungan pendidikan Ekonomi Asas ini juga selaras atau relevan dengan matlamat dan objektif pendidikan Ekonomi Asas seperti yang dicatatkan dalam Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas. Analisis data menunjukkan bahawa majoriti guru bersetuju bahawa kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas akan membolehkan pelajar-pelajar memahami konsep-konsep serta prinsip-prinsip asas dalam bidang ekonomi dan hubungannya dengan pengalaman hidup seharian. Kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas ini juga memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk menpertingkatkan minat, bakat dan sikap ingin tahu terhadap fenomena ekonomi untuk persediaan ke arah pendidikan ekonomi yang lebih tinggi.

d) Kepentingan Objektif dan Matlamat Pendidikan Ekonomi Asas Mengikut Keutamaan. Dalam menyenaraikan kepentingan matlamat dan objektif pendidikan Ekonomi Asas kepada pelajar-pelajar, hasilan temubual mendapati bahawa 5 daripada 7 guru mengatakan bahawa matlamat dan objektif yang terpenting kepada pelajar dalam menpelajari ilmu Ekonomi Asas adalah seperti berikut iaitu:

1. Memahami konsep dan prinsip asas dalam bidang ekonomi.

2. Mengaitkan konsep dan prinsip asas yang telah dipelajari dengan pengalaman sehari-hari.
3. Menpertingkatkan minat, bakat dan sikap ingin tahu terhadap fenomena ekonomi.
4. Menyedari dan memahami isu dan masalah ekonomi semasa.
5. Menggunakan ilmu dan kemahiran yang dipelajari supaya dapat memainkan peranan sebagai pengguna, pengeluar dan anggota masyarakat yang rasional dan bertanggungjawab.
6. Mengamalkan dan menghayati nilai-nilai sosial dan ekonomi yang baik serta membuat keputusan yang bertanggungjawab untuk kesejahteraan diri, masyarakat dan negara.

Hasilan temubual menunjukkan bahawa 2 daripada 7 guru pula berpendapat bahawa matlamat 1 hingga 3 adalah sama seperti di atas manakala keutamaan yang ke-4 ialah menggunakan ilmu dan kemahiran yang dipelajari supaya dapat memainkan peranan sebagai pengguna, pengeluar dan anggota masyarakat yang rasional dan bertanggungjawab. Ke-5 ialah menyedari dan memahami isu dan masalah ekonomi semasa dan ke-6 ialah mengamalkan dan menghayati nilai-nilai sosial dan ekonomi yang baik serta membuat keputusan yang bertanggungjawab untuk kesejahteraan diri, masyarakat dan negara.

e) Matlamat dan Objektif Pendidikan Ekonomi Asas Yang Mudah Dicapai.

Dalam menentukan matlamat dan objektif pendidikan Ekonomi Asas yang paling mudah dicapai menerusi kandungan kurikulum pendidikan ini, analisis data menunjukkan

kesemua guru bersetuju bahawa matlamat dan objektif yang paling mudah dicapai ialah memahami konsep dan prinsip asas dalam bidang ekonomi. Ini adalah kerana matlamat dan objektif ini menjurus kepada aspek yang perlu dan mesti diajar kepada pelajar-pelajar dalam menpelajari ilmu ekonomi. Mereka berpendapat bahawa terdapat banyak tajuk yang menjurus kepada pemahaman dan pengetahuan khusus kepada pengajaran konsep, teori dan prinsip-prinsip ekonomi. Sebagai contoh : Tajuk Pengenalan Kepada Ekonomi , terkandung topik berkaitan konsep-konsep asas dalam ekonomi seperti kekurangan, pilihan dan kos lepas, masalah-masalah asas ekonomi.

Tajuk dan topik ini menjurus kepada pengetahuan asas pelajar tentang keseluruhan aspek pendidikan Ekonomi. Matlamat dan objektif yang paling sukar dicapai ialah mengamalkan dan menghayati nilai-nilai sosial dan ekonomi yang baik serta membuat keputusan yang bertanggungjawab untuk kesejahteraan diri, masyarakat dan negara. Ini adalah kerana kebanyakan guru berpendapat bahawa objektif ini melibatkan ciri-ciri efektif dan amat sukar untuk dibuat penilaian.

4.2 Kefahaman Dan Keyakinan Guru Terhadap Kandungan Kurikulum Pendidikan Ekonomi Asas.

Kesemua responden guru dalam kajian ini menyatakan kefahtaman mereka terhadap kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas. Mereka tidak menpunyai masalah dalam memahami keseluruhan kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas.

Ini diperkuatkan dengan alasan bahawa guru-guru ini adalah sememangnya lepasan Universiti yang mengkhususkan kepada bidang Ekonomi dan Perniagaan dalam Pengajian Ijazah pertama mereka.

Hasilan temubual menunjukan bahawa majoriti guru juga berpendapat bahawa mereka tidak menpunyai masalah dalam memilih isi kandungan pelajaran kerana segala isi kandungan yang perlu diajar dinyatakan dengan jelas dalam Huriahan Sukatan Pelajaran. Mereka juga tiada masalah dalam memilih dan merancang isi kandungan pelajaran sama ada harian atau mingguan. Ini adalah kerana Panitia mata pelajaran telah menetapkan tajuk-tajuk yang perlu dihabiskan dalam sesuatu tempoh masa yang tertentu. Semua aktiviti pengajaran adalah berlandaskan kepada rancangan kerja yang telah ditetapkan sama ada oleh Ketua Bidang atau Ketua Panitia masing-masing.

Hasilan temubual mendapati bahawa kesemua responden juga berpendapat bahawa mereka menpunyai keyakinan dalam menyampaikan isi kandungan mata pelajaran ini. Kekuahan dalam penguasaan ilmu pengetahuan dalam disiplin ilmu ini menjadikan mereka yakin dan menguasai kandungan mata pelajaran ini dengan baik. Namun begitu dapatan kajian mendapati bahawa 2 daripada 7 responden menpunyai masalah dalam menyampaikan isi kandungan mata pelajaran. Walaupun mereka menyatakan bahawa mereka menguasai isi kandungan mata pelajaran ini, namun mereka mengakui kekurangan dalam kaedah pedagogi dan pengurusan kelas. Ini menjadikan mereka tidak pasti sama ada kaedah yang digunakan sesuai dengan pelajar mereka atau sebaliknya.

Hasilan temubual mendapati seramai 5 daripada 7 responden guru menghadapi masalah dalam menerapkan nilai-nilai murni dalam sesi pengajaran mereka. Kebanyakkan guru tidak atau sangat jarang menerapkan unsur-unsur nilai dalam sesi pengajaran mereka. Ada juga sebilangan guru yang menerapkan nilai ini tetapi hanya secara implisit dan mungkin tidak disedari dan mungkin tidak difahami oleh pelajar kebanyakkan pelajar mereka. Tumpuan utama pengajaran mereka ialah kepada aspek isi kandungan pendidikan sahaja iaitu konsep-konsep, teori-teori dan ilmu pengetahuan dalam ekonomi.

Analisis data mendapati bahawa seramai 5 daripada 7 responden guru ini tidak pernah mengikuti mana-mana kursus dalam perkhidmatan atau bengkel pengajaran dan seminar yang berkaitan dengan kaedah pengajaran mata pelajaran ini. Manakala 2 daripada 7 responden guru ini pernah mengikutinya sekali pada tahun 1996. Guru-guru yang tidak pernah mengikuti mana-mana kursus yang berkaitan mata pelajaran ini hanya mendapatkan maklumat berkaitan daripada buku Huraian Sukatan mata pelajaran yang dibekalkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum. Majoriti guru juga berpendapat bahawa mereka memerlukan Kursus, Seminar dan Bengkel berkaitan pengajaran, pengendalian dan perlaksanaan mata pelajaran Ekonomi Asas dalam menpertingkatkan kemahiran dan penguasaan kaedah dan teknik pengajaran pembelajaran mata pelajaran ini.

4.3 Pemilihan Isi Kandungan Pendidikan Ekonomi Asas

Hasilan temubual menunjukan bahawa majoriti guru berpendapat bahawa isi kandungan mata pelajaran Ekonomi Asas adalah sesuai dengan keperluan pelajar. Mereka berpendapat bahawa isi kandungan yang dimuatkan dalam Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas ini mampu melahirkan individu yang memahami dan menghayati pengetahuan mengenai fenomena ekonomi. Tajuk seperti Pengenalan Kepada Ekonomi mengandungi topik-topik yang berkaitan Konsep-Konsep Ekonomi, Masalah-Masalah Ekonomi akan dapat memberi pemahaman secara menyeluruh mengenai disiplin ilmu ekonomi ini. Seterusnya pengetahuan pelajar diperkembangkan lagi di peringkat yang seterusnya iaitu tajuk mengenai Peranan Individu Sebagai Pengguna, Pengeluar dan sebagainya.

Mereka berpendapat bahawa adalah penting setiap pelajar di negara ini perlu dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran asas yang dapat menyediakan pelajar dalam berbagai-bagai bidang pekerjaan. Kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas yang berfokus kepada konsep dan prinsip asas dalam bidang ekonomi mikro dan makro. Walaupun hanya di peringkat asas sahaja tetapi penting untuk membolehkan pelajar memahami peranan mereka sebagai pengguna dan pengeluar yang bertanggungjawab dalam masyarakat serta memberikan sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara.

Hasilan temubual menunjukan bahawa majoriti guru juga berpendapat bahawa isi kandungan mata pelajaran Ekonomi Asas ini penting kepada individu diri pelajar sebagai persediaan menjadi warganegara yang baik. Pengetahuan ekonomi sememangnya diperlukan oleh semua individu masyarakat Malaysia. Pengetahuan dalam bidang ekonomi akan membolehkan mereka memahami dan berinteraksi dengan berkesan dalam masyarakat.

4.4 Penyusunan Isi Kandungan Mata Pelajaran

a) Aspek mudah Kepada Sukar. Hasilan temubual menunjukan bahawa majoriti guru bersetuju bahawa penyusunan isi kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas adalah sesuai dan dapat memudahkan pembelajaran pelajar-pelajar. Penyusunan ini memudahkan sesi pengajaran dan pembelajaran. Terdapat kriteria dari aspek mudah kepada aspek sukar di mana aspek yang mudah didahulukan di awal bab atau tajuk.

Contoh yang diberikan ialah dalam tajuk Tingkatan IV:

Pengenalan kepada Ekonomi

Peranan Individu sebagai Pengguna dan Pengeluar

Isirumah Sebagai Pengguna

Tajuk-tajuk awal seperti Pengenalan Kepada Ekonomi adalah tajuk yang agak mudah berbanding tajuk-tajuk yang berikutnya. Pelajar-pelajar mesti didedahkan dahulu dengan konsep-konsep ekonomi mikro ini sebelum meneroka ke tajuk yang lebih sukar.

Manakala di Tingkatan V pula tajuk seperti :

Bank dan Institusi Kewangan

Ekonomi Negara

Tajuk-tajuk ini agak mudah jika dibandingkan dengan tajuk-tajuk seterusnya seperti Perdagangan Antarabangsa dan Pertukaran Asing. Penyusunan sukanan pelajaran ini memudahkan pelajar memahami kerana isi kandungan mata pelajaran ini sesuai dengan peringkat usia dan kemampuan intelek pelajar-pelajar mereka.

b) Konsep penting dan Kepentingan tajuk didahulukan. Analisis data mendapati majoriti guru bersetuju bahawa terdapat juga kriteria di mana konsep-konsep penting dalam mata pelajaran ini didahulukan di awal bab atau tajuk. Ini amat sesuai kerana dengan penyusunan begini konsep-konsep yang penting yang menjadi asas kepada pemahaman mata pelajaran dalam bab yang berikutnya akan memudahkan pelajar menguasai dan memahami keseluruhan disiplin ekonomi ini. Tajuk-tajuk yang menjadi konsep atau asas yang penting dalam mata pelajaran ini seperti di Tingkatan IV ialah tajuk Pengenalan Kepada Ekonomi. Tajuk ini menjadi asas kepada tajuk yang berikutnya iaitu tajuk Peranan Individu Sebagai Pengguna, Pengeluar, Peminjam dan Pelabur. Pemahaman pelajar dalam konsep di bab awal ini akan membantu pemahaman dan hubung kaitnya dengan tajuk yang seterusnya.

c) Kesesuaian penyusunan kandungan kurikulum. Hasilan temubual menunjukan bahawa majoriti guru bersetuju bahawa aspek penyusunan yang terdapat dalam kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas ini adalah sesuai dengan tahap kesediaan pelajar. Penyusunan isi kandungan daripada aspek mudah kepada sukar, daripada aspek konkret kepada aspek yang abstrak akan memberi peluang kepada pelajar meminati, memahami dan menghayati keseluruhan isi kandungan yang terdapat dalam kurikulum pendidikan mata pelajaran ini. Contoh yang diberikan oleh kebanyakkann guru dalam menperkuuhkan pendapat mereka ialah terdapat perkaitan di antara tajuk Pengenalan Kepada Ekonomi dengan tajuk yang seterusnya seperti Peranan Individu Sebagai Pengguna, Pengeluar, Penabung dan Peminjam. Konsep-konsep yang dipelajari di dalam tajuk ini dikembangkan dan diperluaskan dan terdapat hubungan antara satu tajuk dengan tajuk yang lain.

Hasilan temubual juga mendapati bahawa seramai 5 daripada 7 responden guru bersetuju bahawa terdapat perkaitan antara mata pelajaran Kemahiran Hidup iaitu komponen Perdagangan dan Keusahawanan dengan mata pelajaran Ekonomi Asas. Mereka berpendapat bahawa mata pelajaran Kemahiran Hidup ini memberi maklumat awal berkaitan mata pelajaran Ekonomi Asas. Pelajar-pelajar yang pernah menpelajari Kemahiran Hidup komponen Perdagangan dan Keusahawanan akan dapat mengembangkan pengetahuan mereka dengan lebih luas dan sekaligus boleh menambahkan minat mereka ke atas pembelajaran mata pelajaran Ekonomi Asas.

4.5 Keselarian Kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas Dengan Tahap Kesediaan Pelajar.

Hasilan temubual menunjukan bahawa majoriti guru berpendapat kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas adalah sesuai dengan dengan tahap kesediaan pelajar. Ini adalah kerana walaupun mata pelajaran ini dipenuhi dengan teori-teori, konsep-konsep dan kemahiran pengiraan, ia bukanlah pada tahap yang tinggi. Konsep-konsep dan teori-teori dalam mata pelajaran Ekonomi Asas di peringkat ini adalah asas kepada pendidikan Ekonomi yang seterusnya. Oleh itu, ia mudah difahami dan diikuti oleh kebanyakkhan pelajar. Contohnya seperti tajuk Pengenalan kepada Ekonomi, Teori Permintaan dan Penawaran merupakan hanya di peringkat asas dan mudah diikuti oleh pelajar.

Namun begitu walaupun secara keseluruhannya isi kandungan mata pelajaran ini sesuai dengan tahap kesediaan dan kebolehan pelajar terdapat 2 responden guru yang berpendapat bahawa terdapat juga tajuk-tajuk yang agak sukar kepada pelajar mereka. Tajuk yang sukar ialah tajuk di Tingkatan V iaitu:

Perdagangan Antarabangsa

Terdapat topik mengenai Imbangan Perdagangan dan Imbangan Pembayaran di mana kebanyakan pelajar belum dapat melihat ilmu ekonomi secara global dan menyeluruh. Manakala di Tingkatan IV pula tajuk yang sukar ialah:

Peranan Individu Sebagai Pengguna

Teori Pengeluaran dan

Terdapat topik Pengiraan Cukai Pendapatan yang amat sukar untuk difahami oleh pelajar mereka manakala dalam tajuk Teori Pengeluaran terdapat terlalu banyak rumus dan konsep yang agak sukar kepada pelajar mereka.. Mereka berpendapat bahawa tajuk ini terlalu tinggi dan tidak sesuai untuk dimuatkan dalam kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas di peringkat SPM. Ini ditambah pula dengan konsep-konsep yang abstrak yang memerlukan pelajar mempunyai daya pemikiran yang agak tinggi.

Hasilan temubual juga mendapati bahawa majoriti guru juga bersependapat bahawa pelajar-pelajar yang mencapai tahap pencapaian yang baik dan sederhana dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah sesuai untuk mengambil mata pelajaran ini sebagai elektif mereka di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Ini adalah kerana pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang kurang baik di peringkat Penilaian Menengah Rendah akan menghadapi masalah dalam menpelajari mata pelajaran ini. Pembelajaran ekonomi bukan hanya melibatkan pemahaman konsep dan pengetahuan sahaja tetapi juga melibatkan kebolchan menganalisis, sintesis dan penilaian. Pelajar-pelajar akan menpelajari teori-teori, konsep-konsep serta kemahiran mengira dalam mata pelajaran ini. Pelajar yang mendapat keputusan yang kurang memuaskan akan menghadapi masalah untuk mengikuti mata pelajaran ini.

Analisis data juga mendapati bahawa majoriti guru juga berpendapat pelajar-pelajar yang mempunyai asas yang baik dalam mata pelajaran ini contohnya Kemahiran

Hidup, Matematik akan dapat mengikuti mata pelajaran ini dengan baik. Ini adalah kerana terdapat beberapa topik yang mempunyai hubungan dengan kebolehan-kebolehan dan kemahiran yang diperlukan dalam menpelajari mata pelajaran ini di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Antara tajuk yang memerlukan kemahiran Matematik ialah di Tingkatan IV:

Firma Sebagai Pengeluar

Peranan Individu Sebagai Pengguna,

Teori Permintaan dan Teori Penawaran

manakala di Tingkatan V pula tajuk seperti :

Penentuan Kadar Pertukaran Asing

Imbangan Perdagangan dan Imbangan Pembayaran

Dalam menpelajari tajuk-tajuk ini banyak rumus dan pengiraan perlu dipelajari oleh pelajar. Ini memerlukan pelajar bukan sahaja mengingati rumus tetapi juga cara pengiraan dan cara penyelesaian. Oleh itu kemahiran dalam Matematik perlu dipunyai oleh pelajar-pelajar.

Dapatkan ini diperkuuhkan lagi dengan pencapaian sebuah sekolah di dalam kajian ini di mana kebanyakkan pelajar yang mengambil mata pelajaran ini adalah pelajar yang mencapai kelayakan minimum dalam Peperiksaan Menengah Rendah. Mereka menjadikan Ekonomi Asas sebagai elektif di samping mata pelajaran Kesusastraan Melayu dan Pendidikan Seni. Pencapaian pelajar mereka dalam peperiksaan SPM 1997 dan 1998 adalah kurang daripada 30%. Berdasarkan pencapaian

yang tidak menggalakkan ini maka pada tahun 1998, mata pelajaran Ekonomi Asas ditawarkan kepada pelajar-pelajar Tingkatan IV yang menpunyai pencapaian yang baik dan sederhana sahaja dalam Peperiksaan Menengah Rendah atau PMR.

4.6 Buku Teks

Analisis data menunjukkan bahawa terdapat keselarasan dalam buku teks Ekonomi Asas yang digunakan di sekolah-sekolah menengah di daerah Kemaman iaitu untuk Tingkatan IV:

Ekonomi Asas Tingkatan 4 ,Mustapha Ebin dan Zaidan Hj. A. Wahab

(1991) terbitan Gazzara Sdn. Bhd.

Untuk Tingkatan V:

Ekonomi Asas Tingkatan 5, Che' Ros Zainol dan Khoo Boon Chong

(1992), terbitan BAHAGIA

Hasilan temubual menunjukan bahawa majoriti guru berpendapat buku teks yang digunakan dapat menterjemahkan kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas seperti yang termuat dalam Sukatan Pelajaran. Semua tajuk dan topik-topik yang terkandung dalam isi kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas diuraikan dengan jelas dan terperinci sebagaimana yang dikehendaki oleh Kementerian Pendidikan. Ini dapat memudahkan tugas guru dalam mengajar kerana kandungan buku teks ini boleh membantu dan mencukupi untuk dijadikan bahan bantu dalam pengajaran dan pelajar-

pelajar dapat menggunakanya sebagai asas untuk pembelajaran dan juga sebagai rujukan mereka.

Analisis data menunjukkan majoriti guru juga berpendapat bahawa skop dan litupan isi kandungan buku teks adalah mencukupi dan menepati kehendak yang digariskan dalam Huraian Sukatan Pelajaran. Penjelasan dan huraian lanjut tentang sesuatu tajuk dalam buku teks juga adalah sebagaimana yang dikehendaki dalam Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas. Isi kandungan buku teks ini juga disusun selaras dengan kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas. Oleh itu, guru tidak akan menghadapi masalah dalam menentukan urutan tajuk pembelajaran.

Analisis data juga menunjukkan majoriti guru bersetuju bahawa buku teks Ekonomi Asas sama ada Tingkatan IV mahupun Tingkatan V juga berguna dalam memberi panduan dalam pengajaran dan pembelajaran guru dan juga pelajar-pelajar. Ini adalah kerana buku teks ini memuatkan objektif yang perlu dicapai oleh pelajar selepas selesai sesuatu tajuk. Ini dinyatakan di bahagian awal sesuatu tajuk atau bab. Oleh itu pengajaran dan pembelajaran bolch dijuruskan ke arah pencapaian objektif tersebut. Namun begitu, terdapat 2 responden guru ini yang berpendapat bahawa walaupun ianya membantu memberi panduan kepada guru dalam menentukan objektif yang perlu dicapai namun cadangan objektif dalam buku teks ini terlalu sedikit dan lebih bersifat pemindahan ilmu pengetahuan dan pengingatan fakta pembelajaran sahaja tanpa melibatkan ciri-ciri afektif pelajar.

Analisis data juga menunjukkan bahawa kesemua responden guru dalam kajian ini menwajibkan pelajar-pelajar mereka membawa buku teks dalam sesi pembelajaran. Mereka berpendapat bahawa dengan mewajibkan pelajar-pelajar membawa buku teks ini akan dapat memudahkan pembelajaran pelajar-pelajar mereka. Tujuannya ialah untuk mengelakkan pelajar-pelajar hanya tertumpu kepada menyalin nota-nota yang diberikan oleh guru sahaja. Aktiviti-aktiviti pembelajaran akan menjadi lebih mudah sekiranya pelajar-pelajar membawa buku teks semasa sesi pembelajaran.

Hasilan temubual menunjukkan majoriti guru dalam kajian ini juga berpendapat bahawa terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki dalam kandungan buku teks sama ada buku teks Ekonomi Asas Tingkatan IV ataupun Tingkatan V. Antara kelemahan-kelemahan yang dinyatakan ialah berkaitan :

1. Kelemahan penampilan latihan-latihan
2. Kelemahan penampilan aktiviti-aktiviti
3. Data dan maklumat yang sudah lama

a) Klemahan dalam penampilan latihan. Hasilan temubual menunjukkan bahawa majoriti guru bersetuju yang kebanyakkan latihan yang tersedia dalam buku teks Ekonomi Asas menpunyai kelemahan yang tertentu antaranya ialah :

1. Bentuk penyoalan yang stereotaip
2. Soalan tidak spesifik

3. Banyak arahan dalam satu soalan
4. Tahap kesukaran yang tinggi

Kesemua guru berpendapat bahawa kebanyakan soalan dalam latihan buku teks Ekonomi Asas adalah bercorak stereotaip. Contohnya di muka surat 51, Ekonomi Asas Tingkatan V iaitu :

1. Bincangkan bagaimanakah aktiviti perniagaan sesebuah syarikat kewanaan dikawal oleh Bank Negara.
2. Bincangkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji.
3. Bincangkan jenis-jenis pelaburan yang dilakukan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Kebanyakan soalan yang disediakan dalam buku teks dimulai dengan kata kunci berikut iaitu:

1. Bincangkan.....
2. Huraikan...
3. Jelaskan....
4. Terangkan.....

Hasilan temubual mendapati bahawa majoriti guru juga bersetuju terdapat banyak soalan dalam latihan yang tidak spesifik dan bersifat terlalu luas dan agak kabur. Soalan-soalan berbentuk demikian boleh dikatakan terdapat dalam setiap bab. Contohnya dalam buku teks Ekonomi Asas Tingkatan V iaitu:

1. Apakah perbezaan di antara industri sektor desa, industri kecil dan industri berasaskan sumber?
2. Huraikan langkah-langkah yang dijalankan oleh agensi kerajaan dan swasta untuk mengujudkan tenaga buruh yang mahir di negara kita?
3. Huraikan komposisi perdagangan nampak yang dieksport dan diimport oleh Malaysia?

Hasilan temubual juga mendapati bahawa majoriti guru juga bersetuju terdapat banyak arahan dalam satu soalan. Latihan sebegini mengarahkan pelajar menjawab lebih daripada satu jawapan. Ini membebangkan pelajar dengan jawapan yang agak banyak walaupun pada hakikatnya hanyalah satu soalan atau latihan sahaja. Contohnya di dalam buku teks Tingkatan V iaitu:

1. Kirakan peratusan sumbangan sektor utama, sektor peringkat kedua dan sektor peringkat ketiga untuk tahun 1985, 1988 dan 1991.
2. Jelaskan maksud inflasi dan bagaimanakah belanjawan negara digunakan untuk mengatasi masalah inflasi?

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti guru juga mengatakan terdapat soalan dalam latihan yang disediakan mempunyai tahap kesukaran yang tinggi bagi pelajar-pelajar Tingkatan IV mahupun Tingkatan V. Contohnya dalam buku teks Tingkatan V iaitu :

- 1 Sejauh manakah sumbangan sektor pembuatan dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara?

- 2 Dengan berdasarkan contoh,uraikan perbezaan di antara perbelanjaan mengurus dengan perbelanjaan pembangunan.
- 3 Huraikan bagaimana sebuah negara yang mengalami imbangan perdagangan positif boleh mempunyai akaun semasa yang negatif?

Hasilan temubual mendapati bahawa seramai 3 responden guru berpendapat kebanyakan latihan yang terdapat dalam buku teks Ekonomi Asas ini hanya melibatkan pengujian terhadap pengetahuan, kefahaman, applikasi sahaja manakala aspek yang lain seperti analisis, sintesis dan penilaian sangat kurang. Oleh itu, guru-guru ini mencadangkan agar latihan dalam buku teks diperbaharui dan dikemaskinikan dengan memasukkan unsur-unsur penilaian yang berkaitan analisis, sintesis dan penilaian agar dapat mengembangkan kemahiran berfikir para pelajar. Latihan-latihan yang disediakan mestilah yang mampu membina daya fikir dan membuka minda pelajar dan bukan hanya meluahkan apa yang telah dipelajari. Ini ditambah pula dengan dasar Kementerian yang mahukan pelajar diasuh, diajar untuk berfikir menerusi Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif. Oleh itu, bentuk soalan dalam buku teks ini juga perlu mempunyai ciri-ciri soalan KBKK.

b) Kelemahan Dalam Aktiviti. Majoriti guru juga berpendapat bahawa buku-buku teks ini juga menampilkan kelemahan dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan. Kelemahan-kelemahan dalam aktiviti yang dinyatakan oleh guru ialah :

1. Aktiviti yang stereotaip

2. Satu aktiviti banyak kehendak

Aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh buku teks menpunyai kelemahan yang agak ketara terutamanya aktiviti yang berbentuk stereotaip. Ini berlaku dari satu bab ke bab yang lain. Amat sukar untuk mencari kelainan corak aktiviti untuk didedahkan kepada para pelajar. Kebanyakan aktiviti mengandungi arahan soalan seperti berikut iaitu dalam buku teks Tingkatan V:

1. Bincangkan secara berkumpulan

- a) perbezaan di antara bank pusat dengan bank perdagangan
- b) perbezaan di antara bank perdagangan dengan Bank Simpanan Nasional

2. Bincangkan fungsi-fungsi bank perdagangan berkaitan dengan :

- a) menerima deposit
- b) memberi pinjaman

Aktiviti yang berbentuk seperti diatas boleh iaitu bincangkan fungsi dan bincangkan secara kumpulan boleh dikatakan terdapat hampir di kesemua bab dalam Tingkatan V. Manakala dalam buku Ekonomi Asas Tingkatan IV aktiviti perbincangan secara berkumpulan terdapat di kebanyakan bab atau tajuk.

Dapatan temubual juga mendapati bahawa majoriti guru juga bersetuju aktiviti yang tersedia dalam buku teks juga menpunyai banyak kehendak dalam satu aktiviti. Ini menyukarkan pelajar dalam menjalankan aktiviti yang disediakan. Contoh di dalam buku teks Tingkatan V:

1. Andaikan kamu adalah gabenor Bank Negara Malaysia dan Malaysia sedang mengalami inflasi yang serius. Bagaimanakah kamu dapat mengawal inflasi ini dengan mengubah (i) rizab tunai, (ii) rizab berkanun dan (iii) kadar faedah?
2. Huraikan tiga persamaan bagi perdagangan yang berlaku di antara peniaga di Kuala Lumpur dan Johor Bahru dengan perdagangan di antara peniaga di Kuala Lumpur dengan New York.

c) Kelemahan dalam Data. Hasilan kajian menunjukan bahawa majoriti guru berpendapat kelemahan lain yang agak ketara di dalam buku teks terutamanya buku teks Ekonomi Asas Tingkatan V ialah berkenaan data-data yang terkandung di dalamnya. Data-data yang tersedia agak ketinggalan dan wajar diperbaharui. Contoh yang mereka berikan ialah di dalam tajuk Perdagangan Antarabangsa. Menurut mereka, data-data dan maklumat berkaitan komposisi eksport dan import adalah berdasarkan Laporan Ekonomi 1990/1991. Begitu juga dalam topik perubahan komposisi eksport Malaysia dimana data-data dan maklumat yang disediakan dalam buku teks berdasarkan Laporan Ekonomi 1989/1990. Oleh itu, guru-guru berpendapat penulis-penulis buku teks wajar mcnperbaharui data-daa dan maklumat di dalam buku teks agar memudahkan bukan sahaja pembelajaran pelajar malahan untuk pengajaran guru.

Dapatan temubual juga menunjukan bahawa majoriti guru menggunakan buku-buku rujukan sebagai bahan dalam mendapatkan maklumat tambahan dalam pengajaran mereka. Ini terutamanya untuk mendapatkan maklumat-maklumat terbaru dan maklumat tambahan dalam menambahkan pengetahuan mereka. Terdapat sebilangan guru yang

menggalakkan pelajar-pelajar mereka membeli buku-buku rujukan tambahan untuk mengukuh dan memantapkan pengetahuan mereka di dalam mata pelajaran ini. Di samping itu juga terdapat sebilangan guru yang menggalakkan pelajar-pelajar mereka membeli buku-buku tambahan terutamanya buku contoh jawapan dan buku kerja untuk menyiapkan pelajar dalam menghadapi peperiksaan.

4.8 Huraian Sukatan Pelajaran

Hasilan temubual menunjukkan bahawa majoriti guru berpendapat Huraian Sukatan Pelajaran yang disediakan sangat membantu mereka dalam memahami dan menghayati matlamat dan objektif kurikulum pendidikan Ekonomi Asas. Ini adalah kerana 5 daripada 7 guru ini tidak pernah mengikuti mana-mana kursus atau bengkel berkaitan pengajaran dan pembelajaran Ekonomi Asas. Mereka mengetahui dan memahami matlamat dan objektif kurikulum pendidikan Ekonomi Asas ini melalui Huraian Sukatan Pelajaran yang dibekalkan kepada mereka.

Dapatan temubual juga mendapati majoriti guru bersetuju bahawa kandungan yang terdapat di dalam Huraian Sukatan Pelajaran ini sangat membantu mereka dalam memahami dan menperluaskan pengetahuan mengenai aspek yang perlu diberi penekanan semasa pengajaran dilakukan. Huraian Sukatan Pelajaran ini membolehkan mereka menetapkan rancangan pengajaran mereka dengan lebih licin dan memandu mereka membentuk objektif pengajaran yang hendak dicapai.

Hasilan temubul mendapati bahawa majoriti guru juga bersetuju Huraian Sukatan Pelajaran ini membantu mereka dalam menggubal rangka kerja iaitu rancangan pengajaran tahunan, semester, mingguan dan harian. Huraian Sukatan Pelajaran ini membantu mereka menulis bagi persediaan mengajar dari segi mengenal objektif pengajaran, kaedah mengajar, bahan sumber pengajaran dan menyediakan program penilaian tertentu supaya pengajaran dapat dilakukan dengan teratur dan berkesan. Di samping itu, ia juga dapat membantu membolehkan guru menyusun beberapa tajuk dalam sukanan pelajaran yang berkait rapat untuk menghasilkan kesinambungan dalam pembelajaran.